

09/01/1998

(Kalau kail panjang sejengkal)

Mzali

SALAM Joran.

Hari ini sudah masuk minggu kedua umat Islam berpuasa. Dalam keadaan kegawatan ekonomi sekarang ditambah dengan bulan Ramadan di mana umat Islam dituntut meningkatkan amal ibadat, saya lihat industri memancing bergerak perlahan.

Beberapa rakan yang saya kenali merungut kerana tidak ramai yang menyewa bot untuk memancing. Di kolam-kolam persendirian, masalah sama dihadapi. Pemancing yang datang jauh berkurangan daripada sebelumnya dan akibatnya kantung pemilik kolam turut mengempis.

Bukan belas, bukan simpati kepada mereka yang mengalami masalah kegawatan ekonomi sekarang kerana kami di Unit Joran juga terasa tempasnya. Penyumbang artikel semakin berkurangan dan bahan siaran untuk majalah Joran juga sukar didapati kerana kebanyakan rakan pemancing yang dihubungi tidak keluar memancing.

Kita perlu berkorban buat masa ini sebagaimana yang dituntut Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Bukan seorang dua yang menerima tamparan daripada keadaan sekarang, tetapi seluruh rakyat Malaysia menanggung bebannya.

Kita golongan pemancing tidak terkecuali. Saya difahamkan beberapa peralatan memancing di kedai-kedai utama turut meningkat berikutan kejatuhan nilai ringgit berbanding dollar Amerika. Mungkin ini yang membuatkan sebilangan besar pemancing mengurangkan kegiatan mereka.

Kita harus berubah sikap dari sekarang. Ikan di laut tidak mengenal jenama import atau barangan tempatan. Apa yang penting umpan bagus dan segar.

Barangan buatan Malaysia ada. Harganya berpatutan dan kualitinya tak perlu dipertikaikan. Cuma kita sahaja yang kurang prihatin dengan kewujudannya.

Jika barangan import mahal, marilah kita sama-sama menaikkan jenama tempatan sebagaimana diminta Dr Mahathir. Kalaupun ada peralatan yang masih tidak dibuat pengilang tempatan, kita mungkin boleh berusaha menciptanya sendiri dengan kemahiran dan teknologi yang kita ada ketika ini.

Selamat memancing.

(END)